



**SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN
PERMOHONAN MENDAPATKAN LESEN PERNIAGAAN**

1. Mana-mana orang (pemohon) yang berhasrat untuk mendapatkan lesen bagi menjalankan perniagaan agensi pengawal keselamatan hendaklah membuat suatu permohonan bertulis kepada:

*Yang Mulia
Pesuruhjaya Polis
Ibu Pejabat Polis Diraja Brunei
Jalan Tungku, Gadong
Bandar Seri Begawan, BE 2110
Negara Brunei Darussalam
Untuk Perhatian: **Unit Perlesenan Agensi Pengawal Keselamatan
Jabatan Gerakan, Pasukan Polis Diraja Brunei***

2. Syarat-syarat kelayakan (Pemohon) untuk mendapatkan lesen bagi menjalankan perniagaan agensi pengawal keselamatan adalah seperti:
 - 2.1 Terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan mencapai umur 18 tahun.
 - 2.2 Tidak mempunyai kesalahan jenayah lama dan tidak pernah disabitkan kesalahan atau melakukan kesalahan dibawah Undang-Undang di Negara Brunei Darussalam ataupun diluar Negara.
 - 2.3 Tidak berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
 - 2.4 Mempunyai pengalaman didalam menjalankan Pengawasan Keselamatan.
3. Pemohon hendaklah mempunyai Sijil Pendaftaran Perniagaan yang dikeluarkan di Negara Brunei Darussalam.
 - 3.1 Bagi pemohon yang mempunyai sijil pendaftaran perniagaan yang meliputi lain-lain perniagaan dan berhasrat untuk menjalankan perniagaan agensi pengawal keselamatan maka pemohon itu hendaklah membuat pendaftaran perniagaan baru yang berasingan dari lain-lain perniagaan.
 - 3.2 Pemohon juga disarankan untuk menggunakan nama-nama yang sesuai mencerminkan sebuah syarikat agensi pengawal keselamatan.
4. Pemohon mestilah mengemukakan Borang A (3) salinan yang telah lengkap diisikan kepada Unit Perlesenan Agensi Pengawal Keselamatan.



**SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN
PERMOHONAN MENDAPATKAN LESEN PERNIAGAAN**

4.1. Borang A boleh didapati secara percuma (tanpa bayaran) bertempat:

*Unit Perlesenan Agensi Pengawal Keselamatan
Jabatan Gerakan,
Ibu Pejabat Polis Diraja Brunei,
Jalan Tungku, Gadong
Bandar Seri Begawan, BE 2110
Negeri Brunei Darussalam*

Tel: +673 2459500 / 2423901 sambungan 619

Makluman: Borang A (3) salinan akan dikeluarkan setelah pemohon mengemukakan perkara (1) dan (2) berserta salinan kad pengenalan.

5. Pemohon adalah dikehendaki untuk mengemukakan Kertas Cadangan mengenai perniagaan agensi pengawal keselamatan yang antara lain hendaklah mengandungi maklumat-maklumat seperti berikut untuk diteliti;

5.1. **Keterangan Pemohon**

- 5.1.1. Nama penuh pemohon atau rakan kongsi atau ahli lembaga pengarah; *jika berkenaan*
- 5.1.2. Alamat Perniagaan lengkap pemohon atau rakan kongsi atau ahli lembaga pengarah
- 5.1.3. Salinan kad pengenalan pemohon atau rakan kongsi atau ahli lembaga pengarah

Perhatian: pemohon atau syarikat yang mempunyai rakan kongsi atau lembaga pengarah warganegara asing maka pihak berkenaan mestilah mendapatkan atau memiliki Sijil Bebas Jenayah (Certificate of No Criminal Conviction) daripada negara di mana mereka bermastautin.

5.2. **Keterangan Syarikat.**

- 5.2.1. Nama penuh syarikat
- 5.2.2. Alamat Perniagaan
- 5.2.3. No. Telefon pejabat, no. fax dan no. Telefon bimbit
- 5.2.4. Gambar Bangunan Pejabat Perniagaan (Berwarna)

Perhatian: Premis perniagaan (pejabat) hendaklah di tempat bangunan untuk kegunaan komersil dan pemohon hendaklah menyertakan dokumen sokongan (surat kebenaran) daripada pihak berkuasa mengeluarkan kebenaran menggunakan tempat berkenaan.

5.3. **Struktur / Carta Organisasi Syarikat.**

- 5.3.1. Rajah carta organisasi hendaklah ditunjukkan (jawatan-jawatan utama di dalam syarikat)
- 5.3.2. Keterangan orang-orang yang memegang jawatan-jawatan utama syarikat.

Unit Perlesenan Agensi Pengawal Keselamatan
Jabatan Gerakan, Ibu Pejabat Polis Diraja Brunei, Jalan Tungku, Gadong BE 2110,
Tel: +673 2459500 sambungan 619



SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN PERMOHONAN MENDAPATKAN LESEN PERNIAGAAN

Perhatian: Orang-orang yang memegang jawatan-jawatan didalam syarikat mestilah tidak mempunyai kesalahan jenayah lama dan tidak pernah disabitkan kesalahan atau melakukan kesalahan dibawah Undang-Undang Negara Brunei Darussalam atau di Luar Negara. Sijil Bebas Jenayah (Certificate of No Criminal Conviction) perlu disertakan bagi orang-orang yang memegang jawatan utama didalam syarikat tersebut.

5.4. Senarai / Jenis Perkhidmatan Kawalan Keselamatan.

Perlu diingatkan perniagaan agensi pengawal keselamatan adalah **TERHAD** kepada perkhidmatan kawalan keselamatan sahaja iaitu melindungi orang-orang atau harta (mencegah pencurian atau pengambilan harta dengan menyalahi undang-undang) **TIDAK** termasuk penyiasat peribadi dan pungutan hutang.

5.5. Keterangan Kursus Pekerja Pengawal Keselamatan.

- 5.5.1. Senarai syllabus kursus / pembelajaran
- 5.5.2. Keterangan tenaga pengajar (agensi professional / sekolah latihan atau daripada pihak syarikat sendiri)
- 5.5.3. Tempoh latihan / kursus atau tempoh percubaan sambil berkerja

5.6. Keterangan Jawatan Pekerja Pengawal Keselamatan.

- 5.6.1. Senarai jawatan-jawatan (pengawal / penyelia)
- 5.6.2. Syarat-syarat memohon jawatan (pengawal / penyelia)
- 5.6.3. Tangga gaji pekerja (pengawal / penyelia)
- 5.6.4. Caruman gaji pekerja:
 - Skim Tabung Amanah Pekerja (TAP)
 - Skim Pencen Caruman Tambahan (SCP)
- 5.6.5. Cadangan jumlah pekerja (lelaki / wanita / warga tempatan / asing)

5.7. Sumber kewangan

- 5.7.1 Pemohon / Syarikat hendaklah mengemukakan keterangan atau butir-butir sumber kewangan atau menyertakan akaun syarikat yang mengandungi berjumlah Sepuluh Ribu Ringgit (BND 10,000.00) dalam menjalankan perniagaan agensi pengawal keselamatan atau yang berkaitan dengannya (bank statement) atau

- 5.7.2 Laporan Kewangan tahunan syarikat.

5.8. Keterangan pakaian seragam dan peralatan yang dibekalkan kepada pengawal keselamatan dalam kerja / perkhidmatan kawalan keselamatan perniagaan agensi pengawal keselamatan, sila rujuk syarat-syarat dan peraturan permohonan kebenaran pakaian seragam dan peralatan.

Perhatian dan Makluman



**SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN
PERMOHONAN MENDAPATKAN LESEN PERNIAGAAN**

- 1) Sukacita dimaklumkan bahawa permohonan yang didapati tidak lengkap atau tidak memenuhi syarat-syarat dan peraturan seperti yang ditetapkan adalah tidak diterima,
- 2) **Bab 5 (1), Akta Agensi Keselamatan Penggal 187**, tiada sesiapa pun boleh menjalankan perniagaan suatu agensi pengawal keselamatan tanpa lesen. Melanggar peruntukan **Bab 5(1)** adalah satu kesalahan dan jika sabit kesalahan boleh dikenakan denda tidak melebihi **\$10,000** atau **dihukum penjara tidak melebihi 2 tahun** atau **kedua-duanya sekali**.